



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**

**DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.100-1/4/2 (34)

Tarikh : 17 September 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

*YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,*

**PEMBERHENTIAN DAN PENARIKAN BALIK PROSIDING TATATERTIB SUSULAN KEPUTUSAN MAHKAMAH PERSEKUTUAN BERKENAAN DENGAN SEKSYEN 498 KANUN KESEKSAAN [AKTA 574] YANG TIDAK BERPERLEMBAGAAN**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Mahkamah Persekutuan pada 15 Disember 2023 telah memutuskan bahawa seksyen 498 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan jenayah "*enticing or taking away or detaining with a criminal intent a married woman*" sebagai tidak berperlembagaan (*unconstitutional*) atas alasan bahawa peruntukan tersebut mendiskriminasi secara tidak adil terhadap keseksamaan gender yang bertentangan dengan Fasal (2) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

3. Sehubungan dengan itu, apa-apa pelaksanaan prosiding tatatertib yang sedang diambil terhadap pegawai yang **telah didakwa atau disabitkan** kesalahan di bawah **seksyen 498 Akta 574** hendaklah **dihentikan dan ditarik balik**. Penjelasan berkaitan surat edaran ini hendaklah dibaca bersama dengan soalan lazim sebagaimana di **Lampiran**.


4. Ketetapan ini juga turut dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)**

s.k. Ketua Setiausaha Negara